Spacerubix, Jalan TPP 1/7,
Taman Perindustrian Puchong,
47100 Puchong, Selangor.
T +603 8064 4488
F +603 8064 4499

**Press Release (ENG)**

# The Ministry of Youth and Sports (KBS) invites the Esports Community to support and utilise Esports Integrated (ESI)'s Tournament Platform esukan.gg to propel industry growth.

**Putrajaya - 26 February 2021-** Impact Integrated and Techninier Sdn. Bhd. today signed a partnership agreement for the development and management of esukan.gg, the national Esports platform. The platform will serve as the central platform for all Esports tournament organising needs, with an integrated player database and ranking system, as well as streaming services.

The national Esports platform is developed for Esports Integrated (ESI) which is an initiative to create a vibrant, sustainable and inclusive Esports ecosystem, powered by Impact Integrated, under the purview of the Ministry of Youth and Sports.

The platform will be developed by Techninier, a leading software and mobile game development company in Malaysia. The entire development cost of esukan.gg will be borne by Techninier, as the company believes that the platform will greatly benefit the entire Malaysia Esports community as it will help foster collaborations amongst various industry stakeholders, government agencies and enthusiasts, to provide a sustainable, inclusive and integrated foundation for the local gaming and Esports ecosystem.

The agreement was signed at Menara Kementerian Belia dan Sukan between the CEO of Impact Integrated, Ahmed Faris Amir and Techninier Sdn. Bhd.'s CEO, Dato' Lion Peh. The signing of the agreement was witnessed by the Minister of Youth and Sports, Yang Berhomat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican.

*"I would like to invite all esports players in Malaysia to register a player account at esukan.gg, and start playing! I also invite all tournament organizers to register an account and start organizing tournaments using the esukan.gg platform. Last but not least, I would like to invite 'game developers' to work with us in making the esukan.gg platform bigger and better. I hope that all esports industry players in the country can support this platform."* said YB Dato' Sri Reezal Merican.

He further added, *"the development of esukan.gg is in line with one of ESI's mission to create a vibrant Esports ecosystem in Malaysia, as the platform encourages the creation of more esports tournaments in Malaysia, and makes it seamless and structured. More importantly, as the national platform, data security and protection on esukan.gg will always be the utmost priority."*

Spacerubix, Jalan TPP 1/7,
Taman Perindustrian Puchong,
47100 Puchong, Selangor.
T +603 8064 4488
F +603 8064 4499

esukan.gg was launched in November 2020 and was the official platform for the inaugural Malaysia Esports Championship Season 2020/2021, a tournament that was participated by over 11,000 Malaysians and had over 1 million views online. Ahead of this official announcement, esukan.gg have already obtained close to 20,000 registered users on its platform.




# # #

For more information on **Esukan.gg** please visit the following
***Platform*** - *https://www.esukan.gg/ or*
***Esukan.gg's Facebook*** - *https://www.facebook.com/esukan.gg*
***ESI's Website -*** *https://www.esportsintegrated.com/*

About Esports Integrated
Esports Integrated (ESI) is an initiative to catalyse a vibrant, sustainable and inclusive esports ecosystem, powered by Impact Integrated, under the purview of Kementerian Belia Dan Sukan, Malaysia. Impact Integrated is a strategic catalyst agency under the Ministry of Youth and Sports, for innovative youth and sports initiatives.

Press Contact
**Fadzli Rahim**
Vice President, Operations and Growth
media@esportsintegrated.com

Spacerubix, Jalan TPP 1/7,
Taman Perindustrian Puchong,
47100 Puchong, Selangor.

T +603 8064 4488
F +603 8064 4499

Spacerubix, Jalan TPP 1/7,
Taman Perindustrian Puchong,
47100 Puchong, Selangor.
T +603 8064 4488
F +603 8064 4499

**Siaran Akhbar (BM)**

# Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menjemput Komuniti Esukan untuk menyokong dan memanfaatkan Platform Kejohanan Esports Integrated (ESI) esukan.gg untuk memacu pengembangan industri.

**Putrajaya - 26 Februari 2021 -** Impact Integrated dan Techninier Sdn. Bhd. hari ini telah menandatangani perjanjian bagi pembinaan dan pengurusan platform esukan.gg, sebuah platform kebangsaan yang membolehkan rakyat Malaysia khususnya penggiat dan peminat Esukan untuk mengambil bahagian, menonton dan juga menganjurkan kejohanan Esukan.

Platform kejohanan Esukan Kebangsaan ini dibina untuk Esports Integrated (ESI) iaitu sebuah inisiatif yang telah dimandatkan kepada Impact Integrated untuk membangunkan sebuah ekosistem Esukan yang rancak, mapan, dan inklusif, di bawah kawal selia Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia.

Platform ini telah dibina oleh Techninier, sebuah syarikat pengembangan perisian dan permainan mudah alih terkemuka di Malaysia. Keseluruhan kos pembangunan esukan.gg adalah ditanggung oleh Techninier, kerana syarikat tersebut percaya bahawa platform ini akan memberikan manfaat kepada seluruh komuniti Esukan Malaysia dengan membantu memupuk kolaborasi antara pelbagai pihak, termasuklah agensi kerajaan dan peminat, serta menyediakan asas yang mampan, terangkum dan bersepadu untuk ekosistem permainan dan Esukan tempatan.

Penandatanganan perjanjian itu berlangsung di Menara Kementerian Belia dan Sukan di antara KPE Impact Integrated, En. Ahmed Faris Amir dan KPE Techninier Sdn. Bhd., Dato' Lion Peh. Acara ini disaksikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhomat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican.

YB Dato' Sri Reezal Merican berkata, "saya ingin menjemput semua pemain dan penganjur pertandingan Esukan di Malaysia untuk memanfaatkan platform ini dengan mendaftar akaun pemain di esukan.gg, dan mula bermain! Tidak ketinggalan juga, saya ingin mengajak *game developers* untuk bekerjasama dengan kami dalam menjadikan platform esukan.gg lebih besar dan lebih baik. Diharap semua penggiat industri Esukan tanah air dapat menyokong platform ini."

Tambah beliau lagi, "pembangunan esukan.gg adalah selaras dengan salah satu daripada misi ESI untuk mewujudkan ekosistem Esukan yang rancak. Ini adalah kerana platform ini

Spacerubix, Jalan TPP 1/7, Taman Perindustrian Puchong, 47100 Puchong, Selangor.
T +603 8064 4488
F +603 8064 4499

menggalakkan lebih banyak penganjuran kejohanan-kejohanan Esukan di Malaysia, dan menjadikannya lancar dan berstruktur. Lebih penting lagi, sebagai Platform Kejohanan Esukan Negara, keselamatan dan perlindungan data akan selalu menjadi keutamaan di esukan.gg."

Esukan.gg telah pun dilancarkan pada bulan November 2020 dan merupakan platform rasmi untuk Malaysia Esports Championship 2020/2021, sebuah kejohanan yang disertai oleh lebih dari 11,000 rakyat Malaysia dan mendapat lebih dari 1 juta jumlah tontonan. Menjelang pengumuman rasmi ini, Esukan telah memperoleh hampir 20,000 pengguna berdaftar di platformnya.




# # #

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai **esukan.gg** sila layari
***Platform*** - *https://www.esukan.gg/ atau*
***Facebook Esukan.gg*** - *https://www.facebook.com/esukan.gg*
***Laman Web ESI -*** *https://www.esportsintegrated.com/*

Mengenai Esports Integrated
Esports Integrated adalah sebuah inisiatif yang telah dimandatkan kepada Impact Integrated untuk membangunkan sebuah ekosistem Esukan yang rancak, mapan, dan inklusif di bawah kawal selia Kementerian Belia Dan Sukan, Malaysia. Impact Integrated adalah agensi

pemangkin strategik di bawah Kementerian Belia dan Sukan, untuk inisiatif belia dan sukan yang inovatif.

Hubungi Kami
**Fadzli Rahim**
Vice President, Operations and Growth
media@esportsintegrated.com
-----